

Tampung subsidi melalui hasil cukai GST

SH 3/11

SHAH ALAM - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa kerajaan menambah subsidi ke atas bahan api sebagai usaha mengurangkan harga petrol dan diesel di negara ini.

Setiausaha Agungnya, N Gopal Kishnam memaklumkan, MTUC percaya kenaikan itu, susulan polisi kerajaan untuk menstrukturkan semula subsidi.

Beliau berkata, kerajaan wajar meningkatkan subsidi ke atas bahan api itu selepas hasil kutipan GST yang dilaporkan sebanyak RM30 bilion pada 9 Oktober 2016, sepertimana diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada pembentangan Bajet 2017, baru-baru ini.

"Kenaikan harga petrol sememangnya membebaskan pengguna.

"Ia tidak wajar ketika rakyat ter tekan berdepan peningkatan kos hidup, sekali gus akan memberikan kesan negatif ke atas pengguna," katanya.

Beliau memberitahu, susulan kenaikan harga bahan api itu, banyak pihak akan mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan keperluan lain terutama sekali makanan.